

2.6 tan durian premium di Fiesta Durian Matrix Concepts 2024

SEREMBAN — Lebih 2,000 pengunjung terutama penggemar durian memeriahkan Fiesta Durian Matrix Concepts 2024 yang diadakan di Bayu Sutera Galleria di Bandar Sri Sendayan di sini semalam.

Ketua Pegawai Pemasaran Matrix Concepts Holdings Berhad, Lim Kok Yee berkata, lebih menarik sebanyak 2.6 tan durian premium dihidangkan kepada pengunjung termasuk musang king, teka, IOI dan D24.

"Pelbagai buah-buahan tempatan termasuk kelapa pandan, nangka, rambutan, manggis dan tembikai turut disediakan.

"Kemuncak acara adalah kemunculan pempengaruhi Tik Tok @cousin_my yang mengejutkan dan menarik perhatian pengunjung dengan berkongsi pandangan tentang pelbagai jenis durian dan ciri-ciri uniknya," katanya.

Menurut Kok Yee, fiesta durian itu adalah tanda penghargaan syarikat atas kesetiaan pelanggan terutama pembeli di projek perumahan Bayu Sutera di Bandar Sri Sendayan.

Beliau berkata, pada masa depan Matrix Concepts merancang untuk mengadakan acara dengan penglibatan komuniti yang lebih besar.



ORANG ramai tidak melepaskan peluang untuk merasai keenakan durian pada Fiesta Durian Matrix Concepts 2024 di Bandar Sri Sendayan semalam.